

فتیقین قیتیه

PETIKAN TITAH

"MEREKA yang tidak rajin dan tidak berwawasan itu mungkin sahaja dapat dilihat sebagai cuma tahu mengajar semata-mata sebagai memenuhi jadual, tetapi selesa mengajar, tidak ada apa-apa yang dibuat."

- Titah Sempena Majlis Konvokesyen Kc-26 UBD pada 11 Zulkaedah 1435H / 6 September 2014M.



قلب بوتن Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

ماہیسش ایمان

MANISNYA IMAN

"SESUNGGUHNYA Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya."

- Firman Allah
Subhanahu
Wata'ala dalam
Surah At-Thin,
ayat 4.

Waktu Sembahyang

IMSAK
4.43

SUBUH
4.53

SYURUK
6.16

DUHA
6.40

ZUHUR
12.28

ASAR
3.51

MAGHRIB
6.37

ISYAK
7.51

Daerah Belait ditambah 3 Minit
dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 64 / BILANGAN 88

24 JULAI 2019 / 1440 ذوالقعدة 21

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA



دولت کباؤه دولی توان ڈاتیق Daulat Kebawah Duli Tuan Patik

73
15 Julai 2019

IKUTI KAMI DI




APLIKASI
MUDAH ALIH
InfoDeptBN

Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn



INDUSTRI minyak, gas negara terus kukuh

Muka 10



ASNAF Fakir Miskin terus dipeduli

Muka 11



MAJLIS Khatam raikan 41 pelajar

Muka 13

Junjung keberangkatan raja berjiwa rakyat



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda berkenan berangkat ke Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Temburong di kawasan Kompleks Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar. - Foto : Masri Osman (Lihat muka 3 hingga 8).

Kedudukan zakat dalam sistem kewangan Islam

Berita :
Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 23 Julai. - Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara Kali Ke-13 yang menampilkan individu-individu berautoriti dari negara serantau bagi membincangkan kedudukan

zakat dalam pembentukan polisi fiskal telah dengan rasminya dilancarkan pada majlis yang diadakan di The Rizqun International Hotel, Gadong, di sini.

Muzakarah anjuran Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIM), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dengan kerjasama Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa dalam Kewangan Islam

(ISRA) akan berlangsung selama dua hari bermula 23 hingga 24 Julai 2019.

Hadir merasmikan majlis tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud selaku Ahli Lembaga Pengarah Autoriti Monetari Brunei Darussalam.

Ke muka 9

Kedudukan zakat dalam sistem kewangan Islam



Dari muka 1

Semasa berucap, Yang Berhormat Menteri berharap melalui perhimpunan seumpama ini akan dapat mendengar pelbagai isu semasa mengenai kewangan Islam yang dibahaskan secara kolektif bagi mencari jalan penyelesaian yang bernes, komprehensif dan terarah, sama ada dari aspek teori mahu pun dari aspek aplikasinya di dalam industri dalam usaha mencapai hasrat mempertingkatkan lagi perkembangan Sistem Kewangan Islam.

Yang Berhormat seterusnya yakin satu sesi perbincangan khas yang telah diperuntukkan bakal membincangkan perkara yang mustahak iaitu pelunasan hutang tertinggak pelanggan bank melalui dana zakat, dana kebajikan (charitable fund) dan dana penyucian (purification fund), di samping membincangkan kedudukan zakat dalam pembentukan polisi fiskal. Dalam usaha untuk mengekalkan semangat

muzakarah seperti tahun-tahun sebelumnya, Muzakarah Ke-13 mengetengahkan tema "Sinergi Antara Institusi Kewangan Islam dan Obligasi Sosial : Isu dan Hala Tuju".

Tema tersebut merupakan suatu kesinambungan kepada perbincangan Muzakarah Ke-12 yang diadakan di Thailand tahun lalu. Perbincangan tersebut telah menyimpulkan pelbagai isu syariah yang perlu diteliti khususnya berkaitan dengan zakat dan dana sosial dalam sistem kewangan Islam.

Pada Muzakarah Ke-13 yang diadakan ini bakal memperuntukkan satu sesi khas berkaitan "Pelunasan Hutang Tertinggak Pelanggan Bank Melalui Dana Zakat, Dana Kebajikan dan Dana Penyucian (Purification Fund)" bagi memberikan peluang kepada para ulama, cendekiawan dan pengamal kewangan Islam untuk mengupas alu-aluan yang telah disampaikan oleh Pengerusi bersama Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani, Dekan FEKIM dan Pengarah Eksekutif, ISRA, Malaysia, Profesor



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud selaku Ahli Lembaga Pengaruh Autoriti Monetari Brunei Darussalam semasa menyaksikan penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa dalam Kewangan Islam (ISRA), Malaysia (atas). Sementara gambar kiri, Yang Berhormat Menteri di JPM ketika menyampaikan cenderahati kepada Penolong Gabenor, Bank Negara Malaysia, Yang Berbahagia Encik Aznan bin Abdul Aziz.

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

Dr. Mohamad Akram Laldin.

Seramai 300 peserta menyertai muzakarah tersebut terdiri daripada ilmuwan dan Para Cendikian Nusantara yang melibatkan Institusi Keagamaan dan Pengajaran Tinggi Luar Negara.

Majlis perasmian diisikan dengan Pembentangan Kertas Ucaptama daripada Penolong Gabenor, Bank Negara Malaysia, Yang Berbahagia Encik Aznan bin Abdul Aziz diikuti dengan Pembaharuan Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara UNISSA dan ISRA.

Menandatangi bagi pihak UNISSA ialah Rektor UNISSA Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal, sementara pihak ISRA diwakili oleh Pengarah Eksekutif ISRA, Profesor Dr. Mohamad Akram Laldin.

Turut hadir, Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Yusof.

Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Haji Abd. Aziz bin Orang Kaya Mahara Lela Haji Yusoff; Setiausaha Tetap (Pengajaran Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad; Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Yang Arif / Diumilakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Suhaili bin Haji Mohiddin; Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal; Pemangku Pengarah Urusan Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMB), Dato Seri Setia Awang Haji Metusin bin Haji Bak; Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajaran Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Chin Wei Keh; dan Penolong Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mazan bin Haji Yusof.

Program Sua Muka platform bincangkan isu, cadangan



sama ada, menggunakan lisan atau tulisan atau menggunakan sebarang cara, menyebarkan laporan yang salah atau membuat kenyataan yang salah boleh menyebabkan ketenteraman awam terganggu boleh dipenjara tiga tahun dan denda sebanyak BND3,000.

Manakala dalam Penggal 24 Akta Hasutan Seksyen 4 (1), iaitu sesiapa sahaja melakukan atau mencuba untuk melakukan atau menyediakan atau bersubahat untuk menjalankan hasutan boleh dikenakan hukuman penjara dua tahun dan denda BND5,000.

Perkara itu, antara yang disampaikan oleh Pemangku Pegawai Penerangan Kanan, Dayang Ruhil Amal Faridah binti Awang Yahya, selaku Pemangku Ketua Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan dan Ketua Rombongan semasa Program Sua Muka (Personal Contact) ke Kampung Puni dan Ujung Jalan, Mukim Bangar anjuran Jabatan Penerangan melalui Cawangan Penerangan Daerah Temburong, di sini.

Selain itu, isu-isu mengenai kebersihan juga diketengahkan, di mana penduduk mukim dan kampung disaran agar sentiasa mengamalkan sikap bergotong-royong membersihkan Kawasan halaman rumah termasuk jiran tetangga bagi mengeratkan lagi hubungan ukhuwah dan



TIMBALAN Pengarah (Community Outreach), Kementerian Perhubungan dan Penerangan, Republik Singapura, Puan Nazrana binti Zainuddin (tiga, kiri) selaku Ketua Rombongan IOEP ketika memberikan cenderahati kepada Penghulu Mukim Bangar, Awang Haji Abdul Rahman bin Merusin, juga selaku Pemangku Ketua Kampung Puni dan Ujung Jalan.

AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, selaku Penghulu Mukim Bokok semasa memberikan ucapan.

TEMBURONG, Selasa, 23 Julai. - Penyebaran berita dan maklumat palsu boleh menimbulkan orang ramai berasa takut dan cemas, selain menimbulkan suasana tegang dan tidak menyenangkan juga menyelwengkan fakta.

Kesalahan - kesalahan sedemikian boleh diambil tindakan di bawah perundangan Penggal 148 Akta Ketenteraan Awam Seksyen 34, iaitu bagi sesiapa yang

silaturahim sesama jiran.

Di samping itu, rakyat dan penduduk juga disaran untuk sama-sama turut serta dalam acara-acara perayaan Hari Keputeraan dan hari-hari kebesaran yang berkaitan, selain turut dimulakan melalui program tersebut ialah mengemari kepentingan nasional, antaranya

bendera negara, di mana penduduk dan rakyat di negara ini disaran untuk menaikkan bendera semasa hari-hari kebesaran dengan cara yang betul dan memastikan

bendera tidak pudar warnanya juga gambar wajah raja hendaklah dijaga dengan baik.

Ke muka 13

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Muhamamad Asri Haji Awang Abas